

Headline	Anak-anak yatim diraikan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	27	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,674
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,023



Anak-anak yatim diraikan

SHIAH ALAM - Sempena program Ihya Ramadan 2022, Management and Science University (MSU) menganjurkan Majlis Berbuka Puasa MSU bersama anak-anak yatim di Dewan Canselor, kampus MSU di sini baru-baru ini.

Ia bermatlamat untuk menyantuni dan berkongsi rezeki bersama kelompok komuniti yang tidak bernasib baik khususnya 15 buah rumah kebajikan di sekitar Lembah Klang serta 180 orang penghuninya.

Majlis disempurnakan oleh Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab. Yajid yang turut menyerahkan sumbangan wang zakat dan duit raya dari Yayasan MSU bernilai RM63,000 kepada rumah-rumah kebajikan serta anak-anak yatim.

Antara rumah kebajikan terlibat ialah Baitus Sakinah Wal Mahabbah, Madrasah Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah, Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Al-Nasuha, Pusat Jagaan Amal Asyura, Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Pusat Jagaan Nur Sakinah dan lain-lain.

Hubungan erat di antara MSU dan

rumah-rumah kebajikan ini telah terjalin rapat sejak tahun 2010 manakala Rumah Kasih Harmoni dan Rumah Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa telah menerima sumbangan zakat dari MSU semenjak 2011.

Program MSU Ihya Ramadan 2022 ini mencerminkan komitmen MSU dalam memenuhi tanggungjawab terhadap

Warga MSU kongsi rezeki, 15 buah rumah kebajikan terima sumbangan

komuniti serta menyuburkan budaya bersyukur dan memberi (2G Culture) dalam kalangan warga kampus dan masyarakat serta selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu khususnya SDG 10 dan SDG 17.

Turut hadir ialah Naib Canselor MSU, Profesor Puan Sri Dr Junainah Abd Hamid; Naib Presiden Kanan Endowmen dan Komunikasi MSU, Datuk Rosli Yusof; Pengurusan Kanan Universiti serta rakan industri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Glenmarie Hotel and Golf Resort, Best Western Hotel, TH Travel and Services, DreamEDGE, Commerce Dot Com, Klinik Menara, Bank Rakyat, UOB Kay Hin Wealth Advisors, Rapport Medline,



Mohd Shukri (dua dari kiri) dan Junainah (dua dari kanan) mencerikan anak-anak yatim dengan pemberian duit raya.

FRIM, LF Mercu, dan MABA Malaysia Airlines Academy.

Program MSU Ihya Ramadan 2022 turut menyaksikan pelaksanaan pelbagai aktiviti melibatkan warga kampus dan komuniti setempat.

Antaranya, majlis sumbangan zakat kepada pelajar MSU dan Kolej MSU, berbuka puasa bersama alumni, iftar harian di kampus, GPS Ramadan, Caseh

Ramadan 8.0, Box of Happiness, MSU Quranic League Championship, Hopebox 5.0, Iftar on the Go 5.0, Sinar Ramadan 5.0, Ramadan Booster, Pudding for You, Iftar Project-Bangalore Chapter dan MSUCARES: STAR Edition.

Bazar Ramadan pula memberi peluang kepada kumpulan B40 untuk menjual pelbagai juadah berbuka puasa kepada warga kampus.